

30 JUL 2001

Abdullah-Cerita

PAK LAH HIBUR KANAK-KANAK BUTA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Kesibukan tugas tidak menghalang Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk meluangkan masa menghibur sekumpulan kanak-kanak cacat penglihatan dengan bercerita kepada mereka hari ini.

Kisah mitos "Raja Bersiong" menjadi topik cerita Abdullah kepada 13 kanak-kanak cacat penglihatan Sekolah Pendidikan Khas, Jalan Batu semasa Program Membaca Untuk Orang Cacat Penglihatan di Kompleks MAB di sini hari ini.

Kehadiran Abdullah ternyata dinanti-nantikan oleh kanak-kanak berkenaan apabila mereka menjerit keriangannya ketika kedatangannya diumumkan, malah seorang kanak-kanak melahirkan rasa seronok dengan bernyanyi riang "ye, ye kita dengar cerita lagi".

Sambil berkenalan, Abdullah yang membahasakan dirinya "Pak Lah" dengan kanak-kanak berkenaan turut diberitahu oleh seorang kanak-kanak bahawa mereka gembira kerana seorang lagi pemimpin negara datang untuk bercerita.

Penuh khusyuk dan tekun, mereka duduk bersila di atas pentas di Dewan Serbaguna kompleks itu manakala Abdullah pula duduk di sebuah kerusi menghadap kanak-kanak berkenaan dan dengan penuh sifat kebapaan menyampaikan cerita itu daripada sebuah buku.

Dengan nada suara yang disesuaikan dengan watak-watak dalam cerita itu, Abdullah turut menguji kepintaran kanak-kanak berkenaan tentang maksud perkataan dalam buku itu yang banyak menggunakan bahasa Melayu lama dan sama ada mereka memahami cerita yang disampaikan.

Cacat penglihatan tetapi celik hati, begitulah kurniaan Tuhan kepada kanak-kanak berkenaan. Kepintaran mereka mengagumkan malah ada juga yang berani menjawab dan meluahkan perasaan mereka semasa berinteraksi dengan Abdullah.

Program membaca Untuk Orang Cacat penglihatan itu adalah anjuran Puteri Umno dan Biro Tindakan Sivil Umno dengan kerjasama Persatuan Bagi Orang Buta (MAB).

Setakat ini, 30 orang pemimpin termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluangkan masa membacakan buku dan seramai 70 orang pula mendaftar untuk program berkenaan.

Selepas itu, Abdullah, diiringi ketua penaja Puteri Umno merangkap Pengerusi Biro Tindakan Sivil Umno, Azalina Othman Said dan pemangku Presiden MAB Prof Dr Ismail Md Salleh melawat kompleks itu.

Abdullah turut merasmikan Kafe Siber MAB dan Klinik Keluarga MAB di kompleks itu.

Sementara itu semasa bercakap kepada pemberita, Abdullah berkata kemudahan yang disediakan bagi mereka yang kurang upaya di negara ini telah membantu meningkatkan keyakinan dan membolehkan mereka mengatasi masalah kurang upaya diri mereka.

"Mereka kini lebih yakin untuk hidup dan berjaya dalam bidang yang diceburi malah mereka kini berasa kurang tersisih dan terpinggir kerana mereka boleh menyertai kegiatan masyarakat secara normal tanpa perasan kekurangan," katanya.

Beliau berkata tugas institusi seperti MAB ialah mencari kaedah baru supaya kemudahan yang lebih baik dapat diberikan kepada mereka yang cacat penglihatan dan memberi kehidupan yang lebih bermakna bagi membolehkan mereka memberi sumbangan kepada negara.

"Mereka tidak meminta belas kasihan, mereka hanya mahu diberi

kesempatan untuk mengatasi masalah mereka dan mencapai kejayaan," katanya.

-- BERNAMA

HS AHH MOZ